

# Antologi puisi dilancar di Universiti Peking

**Kuala Lumpur:** Antologi puisi yang menghimpunkan karya pengarang Malaysia dilancarkan di Universiti Peking dalam usaha mengeratkan persefahaman budaya antara kedua-dua negara.

Penasihat Kedutaan Besar Malaysia, Abdul Aziz How Abdullah, berkata buku berjudul *Antologi Terpilih Negara Jalur dan Laluan* (Siri Pertama) itu memuatkan 22 puisi tradisional dan 141 puisi moden yang dihasilkan 39 penulis.

"Puisi dalam antologi ini diterjemahkan Pensyarah Universiti Komunikasi China, Dr Zhang

Jingling dan Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Chong Fah Hing.

"Ia langkah yang baik dalam usaha menyemarakkan lagi kefahaman rakyat China pada kesusasteraan kita," katanya.

Abdul Aziz berkata, usaha itu juga menyahut saranan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik yang menggalakkan pertukaran dan penterjemahan dalam bidang kesusasteraan.

Katanya, kebanyakan puisi dimuatkan dalam antologi itu mengangkat tema kasih sayang,

nasionalisme, keadilan dan kemanusiaan.

Katanya, penerbitan antologi itu juga diharap dapat menggalakkan pertukaran dan kajian ilmiah, selain memupuk rasa cinta rakyat terhadap sejarah serta kebudayaan Malaysia.

"Selepas penerbitan naskhah pertama ini, Universiti Peking menerusi Fakulti Bahasa Asing berharap dapat meneruskan penerbitan siri kedua.

"Berdasarkan cadangan awal, 50 antologi puisi dari pelbagai negara akan dilancarkan," katanya.

Abdul Aziz berkata, penerbitan karya sastera menjadi kaedah mudah memahami budaya dan falsafah sesuatu bangsa apatah lagi puisi ialah genre kesusasteraan yang menjadi cerminan sejarah, kebudayaan serta pemikiran masyarakat tempatan, selain rakan tamadun.

Pada majlis pelancaran itu, Pengerusi Jawatankuasa Universiti, Qiu Shuiping membaca beberapa puisi daripada antologi berkenaan.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Dekan Fakulti Bahasa Asing, Prof Ning Qi; Edi-

tor Koleksi Antologi Terpilih Negara Jalur dan Laluan, Prof Zhao Zhengjiang dan Timbalan Editor Penerbit Zuo Jia, Yan Hui.

*Antologi Terpilih Negara Jalur dan Laluan* itu memuatkan puisi Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Anwar Ridhwan; SN Datuk Seri A Samad Said, SN Mohamad Salleh dan SN, Dr Siti Zainon Ismail, selain Anis Sabirin, A Wahab Ali serta Lim Swee Tin.

Pada majlis sama, 22 antologi puisi daripada 17 negara seperti Myanmar, Russia, Iran dan Thailand turut dilancarkan.